

Dewan Tertinggi BN bertekad sokong Pak Lah

11 JUN 2002

KUALA LUMPUR 25 Jun — Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) hari ini menerima keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir untuk bersara pada Oktober tahun depan dan bertekad memberi sokongan penuh kepada Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pengganti beliau.

Keputusan itu dicapai pada mesyuarat khas selama satu jam di hadapan semua 13 pemimpin parti komponen di Ibu Pejabat UMNO, Menara Datuk Onn di sini.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Abdullah selaku pemangku Pengerusi BN itu diadakan se-

jurus selesai mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO yang memperakukan perkara serupa.

Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat berkata, BN menyelami dan menerima hasrat PM untuk bersara dan menyeru semua ahli parti komponen menghormatinya.

Justeru, katanya, semua ahli parti komponen digesa bersatu dan bersama-sama mengukuhkan BN menghadapi cabaran serta meneruskan perjuangan untuk bangsa, agama dan negara.

“Dewan Tertinggi BN menyambut baik dan menyokong penuh cadangan Dr. Mahathir melantik Abdullah sebagai pe-

mangku Perdana Menteri dan Pengerusi BN.

“Dewan Tertinggi juga memutuskan untuk memberi kepercayaan penuh dan berdiri teguh di belakang Abdullah sebagai pemangku Dr. Mahathir apabila beliau bersara,” katanya kepada pemberita selepas mesyuarat tersebut.

Abdullah pada sidang akhbar yang sama berkata, beliau amat terharu dengan sokongan yang diberikan oleh Dewan Tertinggi BN.

“Mesyuarat ini sebenarnya meyakinkan saya bahawa cara BN ini adalah unik di mana apa sahaja perkara yang dihadapi kepada BN untuk dipertimbang dan dibuat keputusan, kita

selalu rasa gembira kerana ia adalah sebulat suara.

“Saya sudah mendengar kenyataan (sokongan semua pemimpin parti komponen BN) yang dibuat, saya ucapkan terima kasih dan berjanji di waktu saya ditugaskan untuk memangku jawatan Pengerusi BN, saya akan hormai apa juga kerjasama yang diberikan oleh parti komponen BN,” katanya.

Mesyuarat khas Dewan Tertinggi BN itu bertujuan mendengar dan menerima laporan hasil perjumpaan antara Dr. Mahathir dan para pemimpin kanan UMNO di Seri Perdana, Putrajaya kelmarin.

Mesyuarat menerima

laporan daripada Abdullah bahawa Dr. Mahathir diberi kepercayaan oleh ahli komponen BN dan rakyat agar beliau terus menerajui kepimpinan BN dan negara.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir memutuskan untuk tetap berundur dan melepaskan semua jawatan beliau.

Pelepasan jawatan akan berlaku selepas Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Negara Islam (OIC) dari 24 hingga 25 Oktober 2003.

Bagaimanapun, dalam tempoh sehingga persidangan tersebut, beliau akan turut memegang jawatan dalam UMNO, BN termasuk Menteri Kewangan.